



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16 Ramadhan 1441 / 10 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad , 16 Ramadhan 1441H bersamaan 10 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **dua kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh iaitu seramai 134 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **6 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja

yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **110 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,575 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 416 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 15,898 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa 3 kes yang sedemikian telah disahkan dalam masa tiga hari kebelakangan. Ini menjadikan jumlah kes yang sedemikian seramai 27 kes setakat ini. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa statistik

mengenai kes seperti ini tidak lagi akan dikongsikan dan hanya digunakan sebagai rujukan dalaman Kementerian ini sahaja. Ini adalah memandangkan terdapat kajian-kajian yang mendapati kes-kes seperti ini berkemungkinan besar tidak boleh menjangkiti orang lain dan tidak ada perubahan dibuat terhadap rawatan mereka. Walau bagaimanapun, mana-mana kes sedemikian yang dikesan akan terus dipantau oleh Kementerian ini.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita dirahmati dan segala amalan kita di terima dibulan yang mulia ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam dibebaskan daripada wabak COVID-19.

Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Ramadhan 1441H / 10 Mei 2020